



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM UPSI DALAM MATA PELAJARAN SIRAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGAJARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM UPSI DALAM MATA PELAJARAN SIRAH

NURSYAFIQAH BINTI D R RISTU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perkuan ini telah dibuat pada **JUMAAT, 27 JANUARI 2023**

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NURSYAFIQAH BINTI D R RISTU (D20191089213), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **AMALAN PENGAJARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM UPSI DALAM MATA PELAJARAN SIRAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kaedah mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya, **TN. HJ. MOHAMAD KHAIRUL AZMAN BIN HJ. AJUHARY** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **AMALAN PENGAJARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM UPSI DALAM MATA PELAJARAN SIRAH** dihasilkan oleh pelajar seperti mana di atas dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperolehi **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN.**

Tarikh

Tandatangan Penyelia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek Latihan Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pihak Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubungkait dengan penyelidikan Latihan Ilmiah ini.

DISCLAIMER



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

This Academic Project is prepared in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Bachelor of Islamic Education (Islamic Education) by Sultan Idris Education University. The Department of Islamic Studies, Faculty of Science Humanities, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim for the third party with regard to the production of this Academic Project.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadrat-Nya kerana dengan izin dan petunjuk-Nya dapat saya menyiapkan projek akhir tahun ini. Saya berasa terhutang budi kepada semua yang terlibat dalam penyediaan projek ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah penyelia Tn. Hj. Mohamad Khairul Azman bin Hj. Ajuhary kerana memberi bimbingan dengan sabar dan penuh dedikasi, serta memberi komen-komen dan cadangan-cadangan yang tidak ternilai pada setiap peringkat penyediaan projek ini.

Kedua, penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada rakan-rakan seperjuangan *Batch Al-Fateh*. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan serumah saya iaitu Masyi, Dayah, Yong dan Syerin yang sentiasa menghiburkan hati, memberi semangat dan sentiasa memberikan bantuan serta nasihat kepada diri ini.

Akhir sekali penghargaan ditujukan khas kepada ibu dan bapa yang dikasihi, D R Ristu dan Zureda, adik beradik saya Syafiq, Syazwan, Syarafi dan Syahmi serta kucing kesayangan saya Yaya, Tam dan Tompok kerana menjadi penguat semangat untuk diri ini dikala saya hampir berputus asa. Terima kasih di atas segala kasih sayang, doa dan sokongan yang diberikan sepanjang menjayakan projek ini.

Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat. Akhir kata, semoga latihan ilmiah ini dapat memberi manfaat kepada pembacanya. Semoga segala usaha ini diberkati oleh Allah SWT.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dan kaedah serta teknik terbaik dalam mata pelajaran sirah. Seramai 108 orang pelajar semester 6 dan semester 7 jurusan Pendidikan Islam telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B mengenai amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam dalam mata pelajaran sirah dan bahagian C mengenai pandangan guru pelatih terhadap kaedah dan teknik yang terbaik dalam mata pelajaran sirah. Data soal selidik ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, nilai min dan sisisian piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam pada peringkat permulaan pengajaran berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.41. Manakala, amalan pengajaran guru pelatih dalam komponen perkembangan pengajaran pula berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.24 dan amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam pada peringkat akhir pengajaran juga mendapat nilai min yang tinggi iaitu 4.2. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah bercerita mendapat nilai min yang paling tinggi berbanding kaedah yang lain iaitu dengan nilai min 3.93. Justeru itu, beberapa implikasi kajian serta beberapa cadangan kajian lanjutan telah dikemukakan oleh pengkaji.





THE PRACTICE OF UPSI ISLAMIC EDUCATION TRAINEE TEACHERS IN THE SUBJECT OF SIRAH

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the teaching practices of UPSI Islamic Education trainee teachers and the best methods and techniques in the subject of Sirah. A total of 108 students in semester 6 and semester 7 majoring in Islamic Education were selected as the study sample. This study uses a questionnaire as the instrument that contains three parts, namely part A on the demographics of the respondents, part B on the teaching practices of Islamic Education trainee teachers in the subject of Sirah and part C on the views of trainee teachers on the best methods and techniques in the subject of Sirah. This questionnaire data was analyzed descriptively by using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to obtain frequency, percentage, mean value and standard deviation. The findings of the study show that the teaching practice of Islamic Education trainee teachers at the beginning of teaching got a high mean score with a mean value of 4.41. Meanwhile, the teaching practice of trainee teachers in the teaching development component got a high mean score with a mean value of 4.24 and the teaching practice of Islamic Education trainee teachers in the final stage of teaching also gets a high mean value of 4.2. The findings of the study also show that the storytelling method has the highest mean value compared to other methods with a mean value of 3.93. Therefore, some implications of the study as well as some suggestions for further research have been presented by the researcher.





ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Definisi Operasional Kajian	10
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.10	Kesimpulan	14





BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Konsep Pendidikan Islam	15
2.3	Falsafah Pendidikan Islam	19
2.4	Kurikulum Pendidikan Islam	20
2.5	Bidang Sirah dalam Pendidikan Islam	24
2.5.1	Topik Pembelajaran Sirah Tingkatan 1	25
2.5.2	Topik Pembelajaran Sirah Tingkatan 2	25
2.5.3	Topik Pembelajaran Sirah Tingkatan 3	26
2.5.4	Topik Pembelajaran Sirah Tingkatan 4	27
2.5.5	Topik Pembelajaran Sirah Tingkatan 5	28
2.6	Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	28
2.7	Kaedah Pengajaran Sirah	31
2.7.1	Kaedah Pandang dan Dengar	32
2.7.2	Kaedah Bercerita	33
2.7.3	Kaedah Projek	33
2.7.4	Kaedah Lawatan	34
2.7.5	Kaedah Syarahan, Kuliah atau Khutbah	35
2.7.6	Kaedah Lakaran	36
2.8	Kajian-kajian Lepas	37
2.9	Kesimpulan	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	40





3.3	Populasi dan Sampel Kajian	41
3.4	Instrumen Kajian	43
3.4.1	Soal Selidik	43
3.5	Pengumpulan Data	45
3.6	Analisis Data	45
3.7	Kesimpulan	46

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	47
4.2	Analisis Deskriptif	48
4.2.1	Demografi Responden	48
4.2.2	Amalan Pengajaran Guru Pelatih dalam Mata Pelajaran Sirah	54
4.2.3	Pandangan Guru Pelatih Terhadap Kaedah dan Teknik yang Terbaik dalam Mata Pelajaran Sirah	61
4.3	Kesimpulan	65

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	66
5.2	Ringkasan Kajian	66
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.3.1	Amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah.	67





5.3.2 Kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik dalam 70
mata pelajaran sirah menurut pandangan guru
pelatih Pendidikan Islam UPSI

5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	71
5.5	Implikasi Kajian	73
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.7	Penutup	75

RUJUKAN	76
----------------	----

LAMPIRAN	80
-----------------	----

Lampiran A Borang Soal Selidik	80
-------------------------------------	----





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam	23
3.1	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	40
3.2	Jadual Skala Likert	41
4.1	Interpretasi Skor Min Skala Likert Lima	45
4.2	Demografi Responden berdasarkan Jantina	46
4.3	Demografi Responden Mengikut Semester Pengajian	46
4.4	Demografi Responden Mengikut Kelulusan Akademik	47
4.5	Demografi Responden Mengikut Sekolah Semasa Latihan Mengajar 1	47
4.6	Demografi Responden Mengikut Tingkatan yang Diajar	48
4.7	Demografi Responden Mengikut Jumlah Waktu Mengajar	49
4.8	Demografi Responden Mengikut Keputusan Gred Latihan Mengajar 1	50
4.9	Demografi Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Selain Latihan Mengajar 1	50
4.10	Demografi Responden Mengikut Jawatan Mengajar Selain LM1	51
4.11	Amalan Pengajaran Sirah	51
4.12	Amalan Pengajaran Sirah berdasarkan Komponen	52
4.13	Item dalam komponen Permulaan Pengajaran	52
4.14	Item dalam komponen Perkembangan Pengajaran	54
4.15	Item dalam komponen Akhir Pengajaran	56





4.16	Kaedah dan Teknik Terbaik dalam Mata Pelajaran Sirah	58
4.17	Pandangan responden terhadap kaedah dan teknik terbaik dalam mata pelajaran sirah.	58





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
-----	----------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LCD	Liquid Crystal Display
LM1	Latihan Mengajar 1
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SAW	Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science
SWT	Subhanahu Wa Ta’ala
UA	Universiti Awam
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A

Borang Soal Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan salah satu proses penghayatan dan pengaplikasian ilmu melibatkan murid dan guru. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ini umumnya dilaksanakan dalam situasi formal melibatkan institusi-institusi pembelajaran seperti sekolah, kolej ataupun universiti baik awam mahupun swasta. Proses PdP ini melibatkan interaksi dua hala yang mana guru bertanggungjawab memastikan penguasaan murid terhadap penyampaian ilmu yang diterapkan sewaktu proses PdP berlangsung.

Dalam proses penerimaan sesuatu info pembelajaran ataupun input ilmu daripada proses PdP yang berlangsung, minat dan kesungguhan pelajar serta fokus dalam menyelami sesuatu topik yang diajarkan oleh guru menjadi penanda aras kepada penguasaan sesuatu topik tersebut oleh para murid. Hal ini secara tidak langsung





berkait rapat dengan minat dan rasa ingin tahu seseorang pelajar tersebut terhadap topik yang disampaikan oleh guru. Namun begitu, sesuatu topik dalam pembelajaran kurang dikuasai oleh murid apabila kandungan pembelajaran tersebut tidak selari dengan minat dan rasa ingin tahu mereka.

Mata pelajaran sirah dipilih oleh pengkaji sebagai salah satu fokus yang merangkumkan data secara kuantitatif melibatkan amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dan kaedah serta teknik pengajaran terbaik dalam mata pelajaran tersebut. Melalui Bab 1 ini, dinyatakan bahawa kajian ini memfokuskan kepada penyelidikan terhadap tahap amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam terhadap pembelajaran sirah.



Pendidikan merupakan salah satu keperluan yang semestinya ada di dalam diri manusia. Pendidikan juga merupakan salah satu perkara yang dituntut dalam agama Islam kerana pendidikan merupakan ilmu yang dapat memandu akal manusia serta menjadi kayu ukur yang membantu manusia dalam membezakan sesuatu perkara sama ada baik atau buruk. Menuntut ilmu juga mempunyai banyak manfaat dan ganjaran yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya. Antara salah satu kelebihan dalam menuntut ilmu ialah Allah SWT akan mengangkat darjat orang-orang yang berilmu seperti mana yang disebutkan di dalam firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Surah al-Mujadalah (58): 11

Terjemahannya: Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat.





Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang telah lama diterapkan di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Semua murid Islam di Malaysia diwajibkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam kerana ia telah menjadi subjek yang teras di semua sekolah baik sekolah kerajaan, bantuan kerajaan maupun sekolah swasta di seluruh negara seperti yang termaktub mengikut Seksyen 50(1) Akta Pendidikan Negara. Kursus-kursus melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam juga ditawarkan pada peringkat-peringkat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Wujudnya mata pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia selari dengan kehendak yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pendidikan Islam juga merupakan salah satu mata pelajaran yang berpengaruh dalam pembentukan nilai dan akhlak pelajar serta ia boleh membawa perubahan yang besar dalam diri pelajar. Bukan itu sahaja, ia juga dapat membentuk dan melahirkan insan seimbang yang bertepatan dengan ajaran Islam dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Oleh kerana itu, dapat dilihat bahawa kurikulum Pendidikan Islam mempunyai perubahan demi perubahan yang berlaku sepanjang perkembangannya dan menjadi satu tanggungjawab yang besar kepada guru Pendidikan Islam dalam mencapai keberhasilan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad, 2015).

Mata pelajaran sirah ialah satu perkara yang sememangnya sudah tidak asing lagi di Malaysia. Sirah merupakan salah satu cabang ilmu yang digariskan di dalam bidang Pendidikan Islam seiring dengan cabang ilmu yang lain seperti bidang al-Quran, Hadis, Akidah, Fiqah, Akhlak Islamiah dan sebagainya. Sejak sekian lama lagi





semua perkara di dunia ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri terutamanya dalam agama Islam yang mempunyai begitu banyak sekali sejarah dari kisah-kisah atau peristiwa-peristiwa yang telah terjadi. Mata pelajaran sirah boleh juga dikaitkan dengan mata pelajaran sejarah kerana keduanya mempunyai perkaitan iaitu mengisahkan perkara yang lalu dan ia dapat memberikan pengajaran dan iktibar.

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), organisasi kandungan bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam memberi fokus utama kepada tujuh bidang dalam Pendidikan Islam iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Bagi bidang sirah, fokus utama dalam KSSR Pendidikan Islam ialah murid dibekalkan dengan fakta sirah yang sahih sehingga mereka boleh merumuskan peristiwa sirah Rasulullah SAW dan mengaplikasikan iktibarnya dalam kehidupan harian sebagai bukti kecintaan kepada baginda melalui amalan sunnahnya. Organisasi kandungan bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Fiqah, Sirah dan Tamadun Islam serta Akhlak Islamiah. Bidang Sirah dan Tamadun Islam di dalam KSSM Pendidikan Islam menumpukan perkara seperti sirah nabawiyah, sejarah tokoh-tokoh Islam dan tamadun Islam.

Bagi memastikan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan tercapai, guru merupakan individu yang memainkan peranan yang sangat penting kerana guru sebagai agen penyampaian ilmu yang menjadi wahana kepada penguasaan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu bijak dalam mengatur dan membuat perancangan dan persediaan bagi memastikan keperluan penguasaan murid terhadap topik pembelajaran tercapai. Guru juga perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran lebih-lebih lagi dalam bidang sirah yang memerlukan kaedah pengajaran yang menarik





untuk menimbulkan minat dan tumpuan pelajar. Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri dan Rohizan Ya (2012) menyatakan bahawa “Seorang guru yang menguasai isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar, tetapi tidak dapat menguasai strategi dan kaedah pengajaran, tidak dapat menyampaikan pengajarannya dengan berkesan” (ms. 294).

Bagi mencapai sesuatu hasil dalam sesebuah pembelajaran juga, selain daripada kaedah pengajaran guru yang berkesan, minat pelajar dalam sesuatu pembelajaran merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Minat merupakan salah satu faktor utama untuk mencapai kejayaan dalam apa jua bidang sama ada belajar, bekerja, hobi atau apa-apa aktiviti. Minat adalah kecenderungan jiwa terhadap sesuatu yang terdiri daripada perasaan seronok, perhatian, kesungguhan, adanya motif dan matlamat dalam mencapai sesuatu tujuan. Dengan tumbuhnya minat seseorang itu akan dapat menumpukan perhatian untuk melakukan sesuatu dengan tekun dalam jangka masa yang lama, lebih fokus, mudah mengingat dan tidak mudah jemu dengan apa yang dipelajari (Erlando Doni Sirait, 2016).

1.3 Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa bidang sirah merupakan salah satu bidang yang dianggap sukar kerana kandungannya yang padat serta tidak seiring dengan minat pelajar. Dalam kajian Jamaliah Abidin dan Hafizhah Zulkifli (2021), pelajar berpendapat bahawa bidang sirah merupakan salah satu bidang yang paling sukar untuk dikuasai berbanding bidang-bidang dalam Pendidikan Islam yang lain. Hal ini kerana, kandungan dalam bidang sirah adalah berpandukan sejarah, kronologi dan fakta





berkaitan sesuatu tokoh mahupun peristiwa dalam sejarah Islam yang membuatkan pelajar mudah keliru dan sukar untuk mengingati setiap sorotan peristiwa. Dapatan kajian awal daripada Noraini Ismail, Zainab Mohd Zain, Noor Azura Zainuddin & Mohd Asri Abdullah (2015) mendapati bahawa seramai 55% daripada 40 pelajar mengatakan mereka tidak meminati mata pelajaran Sejarah Islam dan 81.8% pelajar mengatakan mereka tidak meminati mata pelajaran ini kerana terlalu banyak fakta yang perlu diingati.

Antara salah satu faktor yang menyebabkan pelajar tidak meminati bidang sirah adalah kerana penggunaan teknik pembelajaran yang kurang berkesan oleh guru. Menurut Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya (2012), pendekatan yang lama seperti menyampaikan maklumat secara sehala sahaja kepada pelajar masih lagi digunakan oleh guru tanpa mementingkan kefahaman pelajar terhadap maklumat yang disampaikan. Strategi pembelajaran yang lebih berpusatkan guru ini menjadi salah satu masalah dalam memilih kaedah dan strategi yang berkesan pada pembelajaran masa kini. Kaedah “*Chalk and Talk*” dan kaedah hafalan semata-mata hanya akan menjadikan pelajar mudah bosan dan mengantuk sehingga penghayatan terhadap sirah para Nabi dan keunggulan Islam tidak memberi kesan kepada pelajar (Jamaliah Abidin & Hafizhah Zulkifli, 2021). Dalam kajian awal Noraini Ismail et. al, (2015) mendapati bahawa 45.4% pelajar mengatakan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak menarik minat mereka.

Umumnya, bakal-bakal guru yang telah menceburkan diri dalam bidang pendidikan didedahkan dengan kursus pelaksanaan pedagogi di dalam kelas yang mana aspek-aspek pengaplikasian pengajaran dan pembelajaran juga meliputi simulasi atau teknik penyampaian ilmu di dalam kelas dipelajari dengan lebih khusus dan





mendalam. namun demikian, terdapat beberapa situasi yang memberikan keralatan kepada bakal guru melibatkan situasi yang mana aspek-aspek pengaplikasian pengajaran di dalam kelas ini tidak dilaksanakan dengan baik atau tidak dipraktikkan sewaktu proses PdP berlangsung. Berdasarkan kajian Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman (2015) menunjukkan bahawa dalam melakukan aktiviti, guru pelatih mengalami kesukaran untuk memilih alat bantu mengajar, merancang aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur murid-murid, menulis rancangan pengajaran dan menyusun kandungan pelajaran.

Justeru itu, kajian ini berfokuskan kepada amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam dalam mata pelajaran sirah. Berdasarkan permasalahan yang dikaitkan atau dirujuk melalui kajian-kajian yang terdahulu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam dalam mata pelajaran sirah dan untuk mengenal pasti kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran sirah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah.
- 1.4.2 Mengenal pasti kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran sirah menurut pandangan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dari semester 6 (A192) dan semester 7 (A191).





1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian telah digariskan bagi mencapai objektif dalam kajian ini. Persoalan kajian yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah?
- 1.5.2 Apakah kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran sirah menurut pandangan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dari semester 6 (A192) dan semester 7 (A191)?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dalam memberi panduan kepada pihak guru, mahasiswa bidang pendidikan terutamanya mahasiswa dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan diri pengkaji sendiri.

1.6.1 Guru

Kajian ini dapat membantu guru-guru di Malaysia khususnya guru Pendidikan Islam dalam membantu guru-guru pelatih untuk merancang strategi, kaedah dan teknik PdP yang berkesan bagi menarik minat pelajar mempelajari sesuatu topik pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran sirah. Hal ini demikian kerana, rujukan ini penting buat guru-guru pembimbing Pendidikan Islam yang bakal dipilih sebagai pelatih kepada bakal-bakal guru yang akan menjalani latihan mengajar di sekolah.





Segala permasalahan yang lazim dilalui oleh para guru pelatih berkemungkinan selari dengan huraian yang terdapat di dalam kajian ini. Secara tidak langsung, guru pembimbing maklum akan permasalahan yang timbul berkaitan guru pelatih seraya dapat menyelesaikan permasalahan tersebut menggunakan kaedah-kaedah yang disarankan atau diketengahkan melalui adanya kajian ini.

1.6.2 Mahasiswa bidang pendidikan

Kajian ini boleh dijadikan panduan oleh mahasiswa dalam bidang pendidikan atau bakal-bakal guru serta guru-guru pelatih yang bakal mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan kaedah pengajaran yang terbaik serta berkesan dalam proses PdP terutamanya dalam pembelajaran sirah. Hal ini kerana, untuk menjadi seorang guru yang berkualiti, mereka perlu bersedia dalam menguasai semua kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pendidikan terutamanya dalam amalan pengajaran yang dilaksanakan sepanjang proses PdP.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan gambaran awal kepada bakal-bakal guru dan guru-guru pelatih tentang amalan pengajaran yang berkesan dalam sesuatu pembelajaran. Gambaran awal tentang amalan pengajaran dalam sesuatu pengajaran ini dapat membantu guru-guru pelatih dalam membuat perancangan yang baik dan mengenal pasti masalah-masalah yang boleh ditangani dengan kaedah atau inovasi yang ditambah baik dalam setiap sesi PdP supaya setiap hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dapat dicapai lantas memberi kesan yang memberangsangkan terhadap penguasaan pembelajaran pelajar.





1.7 Definisi Operasional Kajian

1.7.1 Amalan

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, amalan merupakan sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan atau dikerjakan sebagai suatu kebiasaan. Berdasarkan kepada *Encyclopedia of Islam* (1979), amalan merujuk kepada perbuatan sehari-hari yang dilakukan atau diamalkan dalam kehidupan yang juga bertindak sebagai suatu kebiasaan. Amalan dalam kajian ini membawa maksud sesuatu yang dilakukan dan dilaksanakan oleh guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam pengajaran bagi mata pelajaran sirah.

1.7.2 Pengajaran



Tokoh pendidikan memberikan definisi pengajaran sebagai proses memberikan bimbingan kepada pelajar-pelajar untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pengajaran merupakan proses guru membimbing pelajar-pelajarnya ke arah satu matlamat, iaitu bagi menghasilkan perubahan tingkah laku dalam diri seseorang itu. Hasil daripada proses pengajaran, para pelajar dapat memperbanyak ilmu pengetahuan serta membentuk mereka menjadi orang yang baik, bijak dan cekap dalam disiplin ilmu yang dipelajari (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008).

1.7.3 Guru Pelatih

Guru pelatih diistilahkan di dalam kamus dewan sebagai pelajar-pelajar maktab perguruan yang bakal menjadi guru. Guru pelatih dalam kajian ini bermaksud guru





yang mengambil jurusan pendidikan dan mempunyai pengalaman mengajar sepanjang menjalani Latihan Mengajar 1. Guru pelatih yang difokuskan di sini ialah pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian semester 6 (A192) dan semester 7 (A191) yang telah mengikuti Latihan Mengajar 1.

1.7.4 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam menurut Ghazali Darussalam (2004) adalah segala bentuk pengajaran dan pendidikan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang diterima oleh umat Islam. Azyumardi Azra (1998) mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai suatu proses untuk membentuk individu mengikut ajaran Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW kepada Allah SWT. Abdul Halim Mat Diah menyatakan maksud Pendidikan Islam sebagai proses di mana ahlinya melakukan bimbingan secara sengaja dan ia akan dilalui oleh anak didik supaya tujuan untuk membentuk Muslim berpandukan ajaran-ajaran Islam dapat dicapai.

Maka, Pendidikan Islam dapat disimpulkan sebagai proses penyampaian ilmu terhadap seseorang bagi menjadikan sahsiah dan keperibadian seseorang dalam kehidupan seharian adalah berlandaskan ajaran Islam supaya seseorang itu mendapat tempat yang baik di akhirat kelak sebagai balasan amalan baik semasa hidup di dunia yang diterima iaitu dengan mengamalkan ilmu berlandaskan Pendidikan Islam (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011).





1.7.5 Sirah

Sirah dari segi bahasa bermaksud “*tariqah*” iaitu jalan, Sunnah dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan manusia. Dari segi istilah Sirah bermaksud “*tariq*” iaitu jalan yang merangkumi kronologi atau peristiwa atau peperangan-peperangan (Nidzamuddin Zakaria et al., 2019). Dalam kajian ini, sirah merupakan salah satu bidang yang terdapat dalam Kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah yang berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSM). Pembelajaran Sirah ini dipelajari oleh murid tingkatan satu sehingga tingkatan 5. Dalam kajian ini, mata pelajaran sirah akan dikaji berdasarkan amalan pengajaran guru pelatih dan pandangan guru pelatih tentang kaedah yang paling terbaik dalam mata pelajaran sirah.



1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan kajian yang digariskan bagi menghadkan bidang kajian agar tidak terlalu luas dan lebih berfokus. Beberapa batasan kajian telah dikemukakan iaitu:

- 1.8.1 Kajian ini dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terletak di Tanjung Malim, Perak.
- 1.8.2 Responden yang terlibat dalam kajian ini hanya tertumpu kepada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari program Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Pendidikan Islam yang terdiri daripada mahasiswa semester 6 (A192) dan semester 7 (A191) yang pernah menjadi guru pelatih semasa menjalani Latihan Mengajar 1 pada 7/8 Ogos 2022 sehingga 6/7 Oktober 2022.





1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Amalan Pengajaran Guru Pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam Mata

Pelajaran Sirah

Mengenal pasti amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah.

Mengenal pasti kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran sirah.

Soal selidik

Analisis data secara kuantitatif

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian





1.10 Kesimpulan

Secara umumnya, bab satu ini merupakan bab penjelasan awal kepada kajian pengkaji. Kajian ini adalah berkaitan dengan amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah. Bab ini merangkumi pernyataan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian serta objektif kajian iaitu mengenal pasti amalan pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam mata pelajaran sirah dan mengenal pasti kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran sirah menurut pandangan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dari semester 6 (A192) dan semester 7 (A191).

